

PRN17 Sabah

# 'PH tidak tersepit keputusan UMNO Sabah'

## Rundingan BN, GRS temui jalan buntu

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pakatan Harapan (PH) tidak tersepit dengan rundingan antara Barisan Nasional (BN) dan UMNO Sabah yang memutuskan tidak bekerjasama dengan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) pada Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) Sabah.

Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau menghormati keputusan UMNO

namun menegaskan PH akan meneruskan rundingan dengan antara kedua gabungan.

"Datuk Seri (Dr Ahmad) Zahid (Pengerusi BN) ada memaklumkan kepada saya dalam perundingan itu nampak buntu. Kita doakan mudah-mudahan ada bentuk kesepakatan dan kita hormati keputusan BN.

"PH akan terus berbincang dengan BN dan juga dengan GRS," katanya ketika ditanya mengenai keputusan dinyatakan Timbalan



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling, Semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mengumumkan keputusan muktamad BN dan UMNO Sabah untuk tidak bekerjasama dengan GRS pada PRN17 Sabah.

### Bekerjasama dengan PH

Ahmad Zahid berkata, sebaliknya parti berkenaan memutuskan hanya akan bekerjasama dengan PH pada pilihan raya berkenaan.

Terdahulu, Anwar menunai-

kan solat Jumaat di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling di sini sebelum menghadiri program Temu Mesra MADANI Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan di masjid sama.

Ketibaan Perdana Menteri kira-kira jam 1.10 tengah hari itu disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau bersama kira-kira 3,000 je-

maah mendengar khutbah bertajuk 'Rasulullah Suri Teladan, Kunci Kebangkitan Insan' sebelum menunaikan solat Jumaat yang diimamkan Mufti Wilayah Persekutuan, Ahmad Fauwaz Fadzil.

Sebaik selesai solat Jumaat, Perdana Menteri yang lengkap berbaju Melayu ungu cair turut menyampaikan tausiah kepada jemaah. Turut hadir, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail.